

Keadaan ibu kota terkawal

B/M 10/7/2011 MS 3.

1,667 penyokong perhimpunan termasuk 16 kanak-kanak ditahan

KUALA LUMPUR: Ibu kota kembali tenang kira-kira jam 5 petang semalam selepas polis bertembung dan menyuraikan ribuan penyokong pertubuhan haram BERSIH di beberapa lokasi yang menjadi tempat mereka berkumpul di sini, sekali gus menghalang perhimpunan besar-besaran dirancang di Stadium Merdeka.

Tindakan polis mengawal semua jalan masuk ke pusat bandar raya sejak tengah malam kelmarin, termasuk terminal bas Puduraya, Hentian Putra, selain pemeriksaan penumpang bas ekspres dan perkhidmatan aliran transit ringan juga mengekang kemasukan penyokong dalam jumlah besar.

Dalam operasi bermula jam 7 pagi hingga 5 petang, polis turut menahan 10 pemimpin BERSIH, Himpunan PATRIOT, pakatan pembangkang dan 1,667 penyokong mereka, termasuk 16 kanak-kanak.

Semua pemimpin yang ditahan adalah mereka yang dilarang meng-



ambil bahagian dalam perhimpunan itu selepas polis mendapat perintah mengikut Seksyen 98 Kanun Acara Jenayah di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Semua mereka ditahan di Jalan Mahameru, Masjid Jamek, Masjid Negara, Puduraya, Menara Maybank, Stesen KTMB, Pasar Seni, Jalan Masjid India, KL Sentral, Stadium Merdeka, Jalan Tuanku Abdul

Rahman dan Pasar Seni.

Bercakap pada sidang media di Bukit Aman, petang semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, berkata keselamatan ibu kota dapat dikawal jam 5 petang apabila penyokong BERSIH dianggarkan 5,000 hingga 6,000 mula berarak selepas usaha mereka berarak dan berkumpul di Stadium Merdeka tidak berjaya.

(Bagaimanapun, Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Abdul Khalid Samad menganggarkan lebih 20,000 orang menyertai perhimpunan itu) "Keadaan ibu kota sudah terkawal. Cuma saya minta rakyat jangan mudah mendengar khabar angin yang saya dapati banyak tersebar menerusi media tertentu dan laman blog," katanya.

Ismail menegaskan polis terpaksa melepas tembakan gas pemedih mata dan pancutan meriam air di beberapa lokasi apabila perusuh cuba merempuh sekatan polis ketika bergerak ke Stadium Merdeka.

Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim tiada dalam senarai pemimpin pembangkang ditahan polis, namun Setiausaha Agung PKR, Saifuddin Nasution mendakwa Ketua Pembangkang itu ditahan tetapi dibenarkan dirawat di Hospital Pantai Bangsar akibat kecederaan ringan di kepala dan lutut.

Ismail berkata, demonstrasi jalanan bukan penyelesaian kepada sesuatu masalah dan hanya menimbulkan perasaan takut di kalangan orang ramai sedangkan keadaan di ibu negara sebenarnya aman.

Ditanya bila sekatan jalan raya di ibu kota akan dihentikan, Ismail berkata ia akan dilakukan secara berperingkat mulai malam tadi selepas polis berpuas hati dengan tahap keselamatan.

Datuk S Ambiga, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Khairy Jamaluddin dibebaskan malam tadi, bersama beratus perusuh yang lain selepas keterangan mereka diambil.

INFO

Antara pemimpin yang ditahan

- Pengerusi BERSIH, Datuk S Ambiga
- Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang
- Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu
- Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayob
- Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar
- Pengerusi PATRIOT, Khairy Jamaluddin
- Naib Presiden PKR, Fuziah Salleh
- Naib Presiden PKR, Tian Chua
- Pengerusi DAP Perak, Datuk Ngeh Koo Ham
- Presiden Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim
- Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa

(Mereka dibebaskan secara berperingkat sehingga lewat malam tadi)